

KERATAN AKHBAR

JUDUL : TVS SARAWAK

TARIKH : 14 Julai 2025

SITASI :

M/S :

Toh, C. S. (2025, July 14). *Minggu Perpaduan 2025: Lebih 35 aktiviti menanti rakyat Malaysia*. TVS. <https://www.tvsarawak.my/2025/07/14/minggu-perpaduan-2025-lebih-35-aktiviti-menanti-rakyat-malaysia/>

A vibrant poster for the 'Sambutan Minggu Perpaduan 2025 Peringkat Kebangsaan' (National Level). The poster features a group of performers in traditional Malaysian costumes, including a man in a black and gold outfit, a woman in a red and gold outfit, and a man in a white and gold outfit. They are surrounded by colorful smoke and confetti. The text 'Sambutan MINGGU PERPADUAN 2025 PERINGKAT KEBANGSAAN' is prominently displayed in white and blue. Below it, a red banner reads 'HARMONI DALAM KEPELBAGAIAN'. The poster also includes logos for the Ministry of National Unity (KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA) and various sponsors like MCA, MIC, and others. At the bottom, it mentions 'Lebih 35 aktiviti utama menanti pengunjung sempena Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2025 yang bakal berlangsung dari 17 hingga 20 Julai ini di perkarangan Stadium Batu Kawan, Pulau Pinang. Foto Kementerian Perpaduan Negara (FB)'.

Minggu Perpaduan 2025: Lebih 35 aktiviti menanti rakyat Malaysia

By Cheryl Syahmina Toh #bm, Malaysia July 14, 2025 1:56 PM

BATU KAWAN, 14 Julai: Stadium Batu Kawan bakal bergema dengan semangat perpaduan apabila Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2025 berlangsung dari 17 hingga 20 Julai ini dengan lebih 35 aktiviti utama yang penuh warna-warni menanti pengunjung.

Bertemakan 'Harmoni Dalam Kepelbagaian', acara anjuran Kementerian Perpaduan Negara (KPN) itu menjadi platform merakytakan nilai keharmonian dan saling menghormati dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

Acara kemuncak bakal diserikan dengan kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dijadual merasmikan sambutan pada 19 Julai, jam 10.30 pagi.

Antara tarikan utama termasuk Pameran Rumah KAMI, Perkampungan Etnik Kadazan Dusun dan Orang Asli, Pameran Malaysia Tanah Airku dan Susur Masa oleh Jabatan Muzium Malaysia serta Pavilion Perpustakaan Malaysia.

Penganjuran kali ini juga menyajikan pelbagai hiburan gempak dengan persembahan artis terkenal seperti Datuk Awie, Jaclyn Victor, Stacy, Black Hanifah, Shila Zikir, Suki Low serta kumpulan nasyid Hijjaz dan Inteam.

Buat si cilik, persembahan Muzikal Didi & Friends pasti menceriakan suasana manakala bakat baharu boleh menyinar melalui pertandingan seperti Bintang Idol Perpaduan dan Battle of the Band.

Tidak ketinggalan, program rakyat seperti Pesta Durian, Jualan MADANI & Pameran Usahawan Tempatan, Larian Uniti, Sukan Tradisional dan Kejohanan E-sukan, diskaun saman PDRM dan JPJserta pengurangan kompaun MBPP dan MBSP

Menurut KPN, sambutan tersebut mencerminkan usaha berterusan kerajaan untuk merapatkan jurang dan memupuk kesatuan dalam kepelbagaian.

"Kami mengajak seluruh rakyat Malaysia hadir bersama keluarga dan meraikan kebersamaan ini sebagai simbol sokongan terhadap perpaduan negara," menurut kenyataan tersebut.

Minggu Perpaduan 2025 bukan sekadar acara, ia adalah manifestasi Malaysia sebagai tanah harmoni yang didukung semua lapisan masyarakat.-TVS